

## **CABARAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG PRODUK HALAL DI KAWASAN SEMPADAN MALAYSIA- THAILAND: SATU TINJAUAN**

**SYARIPAH NAZIRAH SYED AGER**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia  
nazirah@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

Kegiatan ekonomi antara sempadan Malaysia-Thailand merupakan satu hubungan ekonomi tradisi yang telah berlaku sejak zaman turun temurun. Pada hari ini, kegiatan ekonomi di kawasan sempadan ini menunjukkan kepesatan selari dengan meningkatnya kerjasama antara dua buah negara. Tujuan artikel ini adalah mengupas isu dan cabaran penguatkuasaan undang-undang produk halal di kawasan sempadan Malaysia-Thailand serta usaha-usaha yang telah dilakukan oleh JAKIM dan CICOT dalam memelihara industri halal di kedua-dua buah negara. Kajian ini mengaplikasikan kaedah kajian kepustakaan dengan metode analisis kandungan dokumen, temubual separa struktur dengan JAKIM dan CICOT serta temubual tidak berstruktur di lapangan. Dapatan awal tinjauan menunjukkan kepada kepentingan wujud satu bentuk pengurusan dan undang-undang yang komprehensif bagi memastikan setiap produk halal yang dipasarkan antara dua buah negara benar-benar mencapai piawaian halal dan menepati kehendak syarak. Prinsip ‘Halalan Toyyiban’ sebagaimana ditekankan dalam al-Quran perlu dititikberatkan bagi menjelaskan keperluan kepada maksud sebenar bagi konsep ‘halal’ yang digunapakai.

Kata kunci : JAKIM, CICOT, Ekonomi Sempadan, Konsep Halal, Undang-Undang Halal.

## **PENGENALAN**

Kegiatan ekonomi antara sempadan merupakan kegiatan ekonomi tradisi di kalangan penduduk di kawasan sempadan negara. Kerajaan Malaysia sendiri telah memberi perhatian yang serius kepada perkembangan aktiviti ini bagi membantu perkembangan sosio ekonomi penduduk di kawasan sempadan. Di Malaysia secara keseluruhannya, kegiatan ini tertumpu di sempadan Malaysia – Thailand, sempadan Malaysia – Singapura, sempadan Malaysia - Brunei dan sempadan Malaysia – Indonesia. Beberapa pekan-pekan kecil di kawasan sempadan menjadi tumpuan penduduk sekitar dan pengunjung terutama pada hujung minggu, cuti am dan cuti persekolahan.

Sempadan Malaysia – Thailand wujud berasaskan Perjanjian Inggeris – Siam pada tahun 1909. Sempadan antarabangsa ini meliputi sempadan darat sepanjang 506 kilometer bermula dari Negeri Perlis di barat sehingga ke negeri Kelantan di timur. Perairan Sungai Golok sepanjang kira-kira 29.9 kilometer yang bermula dari Pengkalan Kubor, Tumpat hingga Rantau Panjang, Kelantan pula menjadi sempadan utama yang memisahkan negeri Kelantan (Malaysia) dengan wilayah Narathiwat, Thailand. (Fauzi, et.al. 2013).

Selepas termetri Perjanjian Damai Hat Yai 1989, kerajaan Malaysia dan Thailand telah merangka beberapa dasar dan strategi khusus bagi pembangunan kawasan sempadan. Pada tahun 1995, kerajaan Indonesia – Malaysia – Thailand pula bersetuju untuk membangunkan wilayah sempadan sebagai pusat pertumbuhan baru ekonomi. Kerjasama ini bertujuan untuk mengeksploitasi sumber yang terdapat di wilayah berkenaan (Fauzi,et.al. 2013).

Perbincangan tentang kegiatan ekonomi antara sempadan seringkali dikaitkan dengan dengan beberapa isu lain seperti bidangkuasa undang-undang, pemeriksaan kastam dan kuarantin, harga dan kualiti produk, aktiviti penyeludupan dan sebagainya. Kertas kerja ini akan membincangkan isu dan cabaran penguatkuasaan undang-undang produk halal di kawasan sempadan Malaysia-Thailand serta usaha-usaha yang telah dilakukan oleh JAKIM dan CICOT dalam memelihara industri halal di kedua-dua buah negara.

## **PENYATAAN MASALAH**

Walaupun pelbagai penambahbaikan telah dibuat dalam pengurusan pensijilan halal, namun masih terdapat peningkatan aduan berkaitan status halal produk di pasaran. Pengguna masih menuntut supaya penguatkuasaan undang-undang halal ditingkatkan dan pemeriksaan secara mengejut perlu dilakukan dengan lebih kerap terhadap premis-premis yang memegang sijil halal bagi mengelakkan sebarang penyelewengan. Ini berikutan mutakhir ini, terdapat peningkatan isu-isu berkaitan halal seperti isu penggunaan usus babi dalam pembuatan sosej, ayam disuntik dengan hormon khinzir serta penemuan racun yang tidak dibenarkan dalam buah-buahan dan sayur-sayuran dalam pasaran tempatan.

Selain sikap pengguna, antara faktor yang dilaporkan menyumbang kepada fenomena ini adalah kelemahan dalam pelaksanaan kawalan pematuhan pengeluaran makanan halal yang telah memberi ruang kepada pengusaha yang tidak bertanggungjawab untuk tidak mematuhi prosedur pengeluaran makanan dan pengesahan halal. Kelemahan tersebut menyebabkan berlakunya berbagai kegiatan penipuan termasuk pemalsuan sijil dan logo halal, percampuran ramuan tidak halal, penipuan dalam pengistiharan ramuan dan sebagainya.

Bagi konteks kegiatan ekonomi antara sempadan pula, fenomena ini adalah disebabkan oleh kelemahan kawalan masuk bahan-bahan makanan dari negara jiran malah terdapat juga produk yang dibawa masuk tanpa melalui pemeriksaan pihak Kastam dan Kuarantin. Turut dilaporkan bahawa wujud kegiatan membawa masuk barang-barang dari Thailand secara tidak sah di kawasan sempadan Malaysia-Thailand. (Fauzi et.al. 2013). Kegiatan ini didorong pula oleh beberapa faktor lain seperti kekurangan bekalan bahan mentah, kualiti bahan yang lebih baik, harga yang rendah dan kemudahan untuk mendapatkannya. Kegiatan membawa masuk bahan-bahan mentah dan makanan tanpa melalui pemeriksaan pihak yang berwajib ini telah menyebabkan berlaku banyak penemuan bahan makanan yang tidak halal berada dalam pasaran.

### **KAJIAN INI BERTUJUAN:**

1. Mendalami isu dan cabaran penguatkuasaan undang-undang produk halal di kawasan sempadan Malaysia-Thailand.
2. Menganalisis faktor-faktor yang membawa kepada permasalahan penguatkuasaan produk halal di kawasan sempadan Malaysia-Thailand.
3. Mengesyorkan langkah-langkah ke arah penguatkuasaan undang-undang produk halal di kawasan sempadan Malaysia-Thailand.

### **METODOLOGI**

Kajian ini mengaplikasi 2 metode pengumpulan data iaitu kaedah kepustakaan, kaedah temubual semi-struktur dan temubual tidak berstruktur. Data-data yang diperolehi daripada kaedah kepustakaan kebanyakannya berbentuk teori seperti konsep halal dan pengurusan pensijilan halal. Data ini juga akan digunakan untuk menyokong dapatan daripada kaedah temubual yang dijalankan di Malaysia dan Thailand. Bagi melihat realiti permasalahan tersebut, temubual tidak berstruktur turut dijalankan ke atas beberapa responden pengusaha di kawasan sempadan Pengkalan Kubor dan Thailand. Data-data yang diperolehi daripada kaedah ini akan dianalisis menggunakan metode deskriptif dan analisis kandungan.

### **PENGUATKUASAAN HALAL DI MALAYSIA**

Di Malaysia, segala peruntukan perundangan, dasar dan piawaian yang digariskan dalam penguatkuasaan halal adalah berasaskan kepada prinsip dan konsep halal yang terdapat di dalam al-Quran dan as-Sunnah serta mengikut pandangan ulama Islam yang muktabar (Norazla, 2015). Antara undang-undang yang terpakai dalam penguatkuasaan halal adalah Akta Perihal Dagangan 2011, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Fi Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 telah memperkemas lagi undang-undang berkaitan halal di Malaysia.. Selain itu terdapat juga beberapa undang-undang lain yang berkait secara tidak langsung iaitu mengandungi peruntukan berkaitan halal seperti Akta Makanan 1983, Peraturan Makanan 1985, Akta Binatang 1953 (Semakan 2006), Peraturan Haiwan 1962, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Kastam 1967, serta Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri. Pertumbuhan pesat industri halal di Malaysia turut membawa kepada perkembangan undang-undang halal di Malaysia. (Norazla, 2015)

Selain akta dan peraturan sedia ada, Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan mengeluarkan standard Halal MS1500:2004 iaitu garis panduan yang praktikal bagi industri makanan mengenai penyediaan dan pengendalian makanan halal atau peraturan asas produk makanan serta perdagangan atau perniagaan makanan. Garis panduan ini diguna bersama MS1480:1999 iaitu Keselamatan Makanan mengikut “*Hazard Analysis and Critical Control Point*” dan MS 1514: 2001 iaitu Prinsip Am Kebersihan Makanan. Begitu juga standard piawaian halal sebagai garis panduan yang praktikal bagi industri makanan terutamanya dalam penyediaan dan pengendalian makanan halal atau peraturan asas produk makanan serta perdagangan atau perniagaan makanan (Mohd Al'Ikhsan & Siti, 2014).

Dalam konteks Malaysia, mengeluarkan pensijilan halal yang diiktiraf oleh kerajaan adalah Jabatan Kemajuan Islam Negeri Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Harlida & Alias 2014). Tiga agensi ini adalah badan tunggal utama yang diberikan kuasa untuk mengeluarkan sijil halal di Malaysia. Bagi produk yang ingin dipasarkan dalam negara sahaja, permohonan tersebut boleh dibuat kepada JAIN manakala untuk produk yang ingin dipasarkan ke peringkat antarabangsa atau nasional permohonan perlu dibuat kepada JAKIM (JAKIM 2005).

Dari sudut badan penguatkuasa pula, selain JAKIM yang terlibat secara langsung dengan pengeluaran sijil halal, Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) adalah kementerian yang bertanggungjawab di dalam hal ehwal produk makanan. Objektif KPDNHEP adalah untuk menggalakkan dan memudahkan perdagangan dalam negeri secara teratur dan sihat serta melindungi kepentingan pengguna. Sehubungan dengan itu beberapa peruntukan undang-undang berkaitan halal telah dirangka dan dikuatkuasakan sebagai contoh, pada tahun 1982, satu peraturan atau dasar bahawa semua daging import yang hendak dibawa masuk ke Malaysia mestilah halal telah dibuat.

Penyataan ini menjelaskan bahawa JAKIM tidak bersendirian dalam penguatkuasaan undang-undang halal di Malaysia malah disokong oleh beberapa agensi lain di mana setiap agensi tersebut mempunyai peranan, bidangkuasa dan perundangan tersendiri. Antara agensi lain yang turut terlibat adalah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Di kawasan sempadan negara pula, penguatkuasaan undang-undang turut dibantu oleh Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Unit Bahagian penguatkuasaan Kastam dan tentera yang mengawal keluar-masuk barangan yang melalui kawasan sempadan perairan negara.

Walaupun bagaimanapun, penguatkuasaan undang-undang ini hanya terpakai dalam takat Malaysia dengan fungsi dan bidangkuasa yang dilihat sangat terhad di kawasan sempadan. Beberapa cadangan telah diusulkan dalam kajian lepas termasuklah cadangan untuk menggubal satu akta khas iaitu Akta Halal Malaysia bagi menambahbaik perundangan berkaitan halal selain meluaskan bidang kuasa JAKIM sebagai badan yang berautoriti dalam isu halal terutamanya dalam isu penguatkuasaan undang-undang dan pendakwaan Menurut Zalina (2004), Malaysia merupakan negara pelopor utama industri halal berbanding negara-negara lain. Seharusnya Malaysia mesti dilihat ke hadapan dalam menangani isu-isu berkaitan industri halal dan penggubalan Akta Halal ini adalah perlu untuk jangka masa panjang (Liziana, 2014).

## **PENGUATKUASAAN HALAL DI THAILAND**

Thailand dikenali sebagai sebuah negara pertanian dan pengeksport makanan utama rantau Asean. Thailand telah menunjukkan potensi besar dalam industri halal apabila berjaya menduduki tempat ke lima sebagai pengeksport produk halal dunia pada tahun 2010 (Thailand Business Report, 2011) dan diiktiraf sebagai yang pertama seumpamanya di rantau Asean (Mohani Abdul, 2014). Penglibatan Thailand dalam industri halal sangat pesat jika dibandingkan dengan peratus penduduk Muslim di Thailand iaitu dianggarkan hanya sekitar 10% berbanding jumlah keseluruhan penduduk yang berjumlah 69.7 juta (Palarea, 2015). Senario di atas adalah didorong oleh usaha dan hasrat kerajaan Thailand untuk menjadikan negara ini pengeluar utama makanan halal dunia. Pada tahun 2010, kerajaan Thailand telah mengumumkan slogan ‘*Thailand Kitchen of the World*’ untuk merangsang perkembangan industri halal di Thailand.

Dalam konteks negara Thailand, pentadbiran undang-undang halal adalah salah satu perkara yang termasuk dalam hal ehwal berkaitan agama Islam yang ditadbir di bawah institusi tertinggi yang dikenali sebagai Sheikhul Islam. Perkara ini termaktub dalam Seksyen 6 Akta Di Raja berkaitan Pentadbiran Organisasi Islam (1997) yang memperuntukkan, Raja akan melantik seorang Shiekhul Islam sebagai ketua bagi menguruskan hal ehwal agama Islam dalam negara Thailand. Sebagai pengerusi Jawatankuasa Pusat Islam Thailand, Sheikhul Islam turut bertanggungjawab dalam urusan penubuhan masjid-masjid, perlantikan imam dan khatib masjid, kutipan-kutipan wang agama dan termasuklah hal ehwal berkaitan pensijilan halal di negara ini.

“Fungsi Pejabat Sheikhul Islam adalah untuk menentukan hari raya dan puasa, tahun baru, siapa imam setiap masjid, Halal Mark dan lain-lain”. (Palarea, 2015)

Mansouri (2004) menyatakan bahawa kajian dan penyelidikan mengenai halal di Thailand semakin berkembang dan digalakkan oleh Pusat Islam Thailand. Di bawah Jawatankuasa Pusat Islam Thailand (CICOT), mereka menubuhkan satu Jawatankuasa Eksekutif Halal bagi membantu pengurusan hal ehwal halal di Thailand. Antara fungsi utama jawatankuasa halal ini adalah menentukan dan mengumumkan penggunaan Standard Produk Halal Thailand mengikut prinsip Islam dan standard antarabangsa, meluluskan penggunaan Logo Halal pada produk Halal; menjadi Badan Akreditasi Halal (HAB) untuk mengakreditasikan Badan Pensijilan Halal (HCB); mencadangkan nama ahli jawatankuasa, kakitangan dan penyelia bagi unit-unit pentadbiran halal yang berkaitan, menyelaras dan menyelia unit-unit yang berkaitan dengan Operasi Hal Ehwal Halal untuk operasi berkesan Standard Produk Halal.

Institut Standard Halal Thailand pula merupakan agensi rasmi yang bertanggungjawab untuk mengelola pengeluaran sijil dan logo halal di Thailand. Badan ini ditubuhkan di bawah resolusi kabinet pada 11 Ogos 2003. Tujuan utama penubuhan institusi ini adalah untuk membentuk standard, menjalankan kajian, latihan dan kursus berkaitan hal ehwal halal di Thailand. Badan ini bekerjasama dengan Jawatankuasa Pusat Islam Thailand dan kerajaan untuk membentuk standard makanan halal yang menepati syariat Islam dan piawaian antarabangsa serta kawal selia pensijilan halal di Thailand. Peraturan Jawatankuasa Pusat Islam Thailand mengenai Operasi Hal Ehwal Halal telah berjaya dibentuk dan diluluskan pada tahun 1997. (Dahlan, 2015)<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Temubual bersama Dr Winai Dahlan, Pengarah Halal Science Centre, Chulalongkorn University, 25 Jun 2015.

Penubuhan Pusat Sains Halal turut menjadi batu loncatan untuk Thailand menjadi peneraju dalam kajian halal dan pengeluar produk halal dunia. Pusat Sains halal ini telah ditubuhkan di Universiti Chulalongkorn untuk menjalankan penyelidikan produk-produk halal dan telah diiktiraf sebagai pusat sains halal yang pertama seumpamanya di dunia ini (Sarntisart, 2005). Tugas utama pusat ini adalah untuk membantu CICOT dalam pensijilan halal di Thailand dengan memainkan peranan untuk memberi nasihat dan pemantauan di peringkat awal pemprosesan bahan mentah di kilang sehinggalah sesuatu produk halal terbentuk.

Memenuhi peranannya, Pusat Sains Halal telah membentuk suatu sistem yang dikenali sebagai Halal Assurance and Liability Quality System (HAL-Q). Ia merupakan sistem pengurusan kualiti bagi memastikan halal dan selamat (halal dan *tayyib*) sesuatu produk mengikut Standard Halal; dan juga memastikan pengusaha bertanggungjawab terhadap kecacatan produk. Ia secara tidak langsung akan membantu pengusaha melaksanakan Standard Halal yang terpakai di kilang-kilang mereka. HAL-Q turut disokong dengan program ICT bagi memudahkan pengguna membuat semakan status halal sesuatu produk hanya menerusi telefon tangan dengan menggunakan aplikasi yang berkaitan. (Winai, 2015)

Oleh yang demikian, pentadbiran Halal di Thailand ditadbirurus oleh tiga institusi rasmi utama iaitu Jawatankuasa Pusat Islam Thailand (CICOT), Jawatankuasa Eksekutif Halal dan Pusat Sains Halal, Chulalongkorn University, Bangkok. Sebagai badan yang berautoriti dalam pentadbiran hal ehwal halal di Thailand, ketiga-tiga institusi ini telah memainkan peranan yang penting dan aktif dalam kemajuan industri dan kepenggunaan halal di Thailand.

Di Thailand, undang-undang utama yang terpakai dalam pentadbiran hal ehwal halal adalah 'Peraturan Jawatankuasa Pusat Islam Thailand mengenai Operasi Hal Ehwal Halal B.E 2552'. Peraturan ini selaras dengan peruntukkan Seksyen 18 (5) (9) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Akta Pertubuhan BE 2540. Peraturan ini bertujuan untuk memastikan kelancaran dan kecekapan Pengurusan Hal Ehwal Halal, dan untuk menetapkan langkah dan kawalan kualiti Produk Halal dan penggunaan Logo Halal di Thailand. Termasuk di dalam *Regulation of The Central Islamic Committee of Thailand Regarding Halal Affair Operation of B.E 2552*.

- Bahagian 1 – Artikel Umum
- Bahagian 2 – Badan Akreditasi Halal
- Bahagian 3 – Bahagian Hal Ehwal Halal
- Bahagian 4 – Institut Standard Halal Thailand
- Bahagian 5 – Jenis-Jenis Pensijilan
- Bahagian 6 – Permohonan Sijil Halal dan Penggunaan Sijil Halal
- Bahagian 7 – Pengeluaran Sijil Halal
- Bahagian 8 – Jaminan Kualiti Standard Halal
- Bahagian 9 – Bantahan
- Bahagian 10 – Yuran dan Deposit Jaminan
- Bahagian 11 – Penalti

Dalam pengurusan hal ehwal halal, negara Thailand telah diiktiraf sebagai negara yang terkedepan menerokai pensijilan halal apabila menjadi negara yang pertama memperkenalkan Standard halal dan logo halal iaitu pada tahun 1971 (John Walsh, 2015). Standard ini kemudiannya telah diperhalusi dan ditambahbaik agar memenuhi kehendak syarak dan mematuhi piawaian antarabangsa sehingga diisytiharkan segala standard rasmi yang

digunapakai di keseluruhan negara Thailand. Pada tahun 1998, Kementerian Perindustrian Thailand menerima pakai Codex Halal sebagai Standard Halal Rasmi Thailand. Seterusnya tahun 2001 – Jawatankuasa Pusat Islam Thailand berjaya menjadikan Peraturan Pensijilan Halal dan Akreditasi sebagai peraturan standard di seluruh Thailand.

Selain daripada peraturan ini, pengurusan dan kesalahan bersabit hal ehwal halal juga turut disokong dengan undang-undang lain yang berkaitan. Sebagai contoh, penggunaan logo halal yang dikeluarkan adalah dilindung di bawah hak cipta terpelihara dan akta pengguna. Oleh yang demikian, sebarang penipuan logo dan sijil halal boleh dikenakan tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa.

Dari sudut penguatkuasaan, Jawatankuasa Pusat Islam dan Jawatankuasa Eksekutif halal juga tidak bersendirian dalam penguatkuasaan undang-undang halal di Thailand. Sebagaimana di Malaysia, jawatankuasa halal ini juga turut dibantu oleh agensi-agensi kerajaan lain yang terlibat dengan takat dan bidangkuasa masing-masing. Malah, Thailand adalah antara negara yang terkehadapan dalam memastikan penguatkuasaan halal dipatuhi dengan menubuhkan satu pasukan penguatkuasa yang kenali sebagai ‘Polis Halal’ iaitu satu pasukan khas yang diberikan kuasa untuk memeriksakan, menguatkuasa dan mendakwa kesalahan-kesalahan bersabit dengan Halal. (Palarea 2015).

## **ISU PENGUATKUASAAN HALAL DI KAWASAN SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND.**

### **1. Ketiadaan Peruntukan Undang-Undang Halal Yang Khusus**

Kewujudan pelbagai perundangan, dasar dan piawaian berkaitan halal menunjukkan bahawa di Malaysia tiada satu undang-undang khas atau akta ibu yang boleh dirujuk berkaitan halal. Setiap akta dan undang-undang yang berkaitan halal adalah terpakai dalam takat bidangkuasa agensi yang berlainan. Setiap agensi yang terlibat ini perlu persefahaman dan bekerjasama berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah agensi masing-masing (Norazla 2015).

Situsai ini telah memberikan cabaran yang besar dalam penguatkuasaan undang-undang halal. Tujuan keperluan kepada Akta Halal ini adalah untuk memberi kuasa secara terus kepada pihak agensi kerajaan pusat seperti JAKIM untuk memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang. Setakat ini kuasa memantau dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan penggunaan logo halal terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Pegawai JAKIM hanya terlibat dalam penguatkuasaan melalui perlantikan yang dibuat oleh kementerian tersebut sebagai Penolong Perihal Dagangan (Ahmad Hidayat & Zulzaidi, 2012).

Sekiranya Akta Halal dapat diwujudkan, pegawai JAKIM akan mempunyai bidang kuasa sendiri dan menyelaras perkara-perkara berkaitan halal yang kini terpecah di pelbagai kementerian dan agensi kerajaan. Namun hal ini sudah tentu mewujudkan isu dan cabaran lain pula terutama dalam perkara berkaitan aspek-aspek teknikal kerana ia melibatkan pengambilalihan beberapa bidang kuasa yang ada dalam agensi-agensi lain untuk diletakkan di bawah JAKIM. Menurut Ahmad Hidayat & Zulzaidi (2012) persoalan lain yang lebih utama ialah penggabungan Akta Halal akan menyentuh sesuatu di bawah bidang kuasa negeri iaitu berkaitan dengan agama Islam yang akhirnya akan menimbulkan isu perlembagaan.

Sebagaimana Malaysia, Thailand juga sehingga hari ini tidak mempunyai Akta Halal yang khusus. Pentadbiran pensijilan halal di Thailand termasuk dalam Akta pentadbiran Organisasi Islam (1997) yang memperakui kedudukan CICOT sebagai badan yang berautoriti untuk mentadbir hal ehwal agama Islam di Thailand. Dalam menjalankan fungsinya, CICOT turut dibantu oleh kementerian dan agensi lain yang berkaitan seperti Kementerian kesihatan, Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan yang lain-lain mengikut takat dan bidang tugas yang berkaitan.

## **2. Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Undang-Undang Berkaitan Penggunaan Logo Halal**

Dalam konteks Malaysia, pihak JAKIM akan melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap penggunaan sijil halal. Kajian Zulkifli (2009) mendapati pemantauan yang dilakukan oleh pihak JAKIM adalah secara berkala dan berdasarkan aduan yang dibuat oleh pihak awam. Selain itu pemeriksaan yang dijalankan adalah mengikut tiga kategori iaitu produk makanan, rumah sembelih dan premis makanan. Kebanyakan pemeriksaan adalah hasil usaha inisiatif JAKIM sendiri dan hanya 20.7% berdasarkan aduan. Dapatan kajian Zulkifli (2009) mendapati kekerapan pemantauan yang dilakukan oleh pihak JAKIM agak tinggi iaitu 707 dengan purata kekerapan 60 kali bagi setiap bulan. Berdasarkan pemantauan yang dilakukan, hanya 2.9% syarikat telah diambil tindakan tarik balik (3 syarikat), dan digantung sijil (18 syarikat) manakala yang lainnya 271 syarikat dikategorikan komited, 209 syarikat diberi peringatan, dan 206 dikategorikan lain-lain. Hal ini membuktikan kebanyakan syarikat memenuhi syarat pensijilan halal yang dikeluarkan oleh JAKIM.

Dalam isu ini, terdapat beberapa permasalahan yang perlu diberi perhatian khususnya sejauh mana keberkesanan penguatkuasaan yang dilakukan oleh JAKIM daripada sudut undang-undang. Peruntukan undang-undang sedia ada hanya membenarkan JAKIM menarik balik pensijilan halal tersebut tanpa bidangkuasa pendakwaan di mahkamah. Sebarang pendakwaan akan dijalankan oleh KPDNKK sedangkan kebanyakan pemantauan dan penguatkuasaan dilaksanakan oleh JAKIM. Menurut Zulkifli (2009) bagi kes pemantauan biasa, JAKIM akan melakukan penyiasatan dan pemeriksaan sendiri dan ia mesti melibatkan Pegawai Syariah dan Pegawai Sains. Sementara dalam kes-kes aduan awam atau diklasifikasikan kes “panas JAKIM akan melakukan operasi secara bersepadu bersama KPDNKK, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), JAIN dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Dapat difahami bahawa, JAKIM mempunyai bidangkuasa terbatas untuk mengesahkan kesalahan dalam isu halal di samping menjadi saksi bagi kes-kes tersebut. Manakala KPDNKK mempunyai kuasa menyita, mengkompaun dan mendakwa pemilik mana-mana syarikat sekiranya terbukti kesalahan yang dilakukan. Menurut Zulkifli (2009) KPDNKK juga tidak mempunyai unit khas bahagian pendakwaan halal sedangkan JAKIM mempunyai Bahagian Hub Halal Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaan sendiri. Umumnya, wujudnya kekurangan daripada sudut keberkesanan apabila aspek penguatkuasaan dan pendakwaan dilakukan oleh dua pihak yang berbeza. Walaupun daripada semasa ke semasa berlaku penambahbaikan antara lain pemberian kad kuasa oleh KPDNKK kepada pegawai JAKIM. Kad kuasa tersebut memberi kuasa kepada pegawai JAKIM dan JAIN memasuki premis atau syarikat bagi melakukan penyiasatan, pemeriksaan dan sekiranya ada pemilik yang menghalang tugas tersebut, maka ia boleh didakwa di bawah akta sedia ada.



Manakala di Thailand cabaran ini menyentuh perkara berkaitan kekurangan penguatkuasaan oleh CICOT dalam memantau penggunaan logo halal yang akan menyebabkan keraguan dalam kalangan orang awam berkaitan kesahihan akan halal produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Dalam kalangan kementerian kerajaan melihat kurangnya bantuan dan kerjasama yang diberikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kepada CICOT. Hanya dengan penguatkuasaan yang ketat sahaja menjadikan logo halal itu dilihat lebih berwibawa dan bermakna. Hakikatnya, kekurangan kerjasama dalam kalangan badan-badan berautoriti pensijilan halal akan menimbulkan keraguan dalam kalangan pengguna Muslim akan kesahihan dan kebolehpercayaan terhadap proses pensijilan halal tersebut (John Walsh).

Tidak dinafikan bagi tujuan pengawasan, CICOT mengadakan kerjasama dengan kementerian-kementerian berkaitan seperti Kementerian Pelancongan, Kementerian Luar, Kementerian Perdagangan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan lain-lain. Pemeriksaan secara berkala diadakan setiap tahun bagi memastikan pematuhan standard halal diikuti dalam setiap aspek termasuk penggunaan bahan, alat-alatan dan kemudahan asas yang disediakan. Langkah kerjasama ini diambil sebagai usaha untuk memastikan pensijilan halal ini mendapat sambutan dan berjaya mencapai matlamatnya. Oleh itu dalam hal ini pihak CICOT perlu melakukan pemeriksaan dan penguatkuasaan secara berkala dan kekerapannya ditingkatkan, untuk memastikan pengusaha Muslim dan bukan Muslim mematuhi standard halal yang telah dikeluarkan.

### **3. Pensijilan Halal Yang Bersifat Sukarela**

Di Malaysia atau Thailand, tidak terdapat mana-mana akta atau undang-undang yang mewajibkan pengusaha untuk mendapatkan sijil halal, malahan ia dibuat secara sukarela Noradha (2016). Oleh yang demikian, masih banyak terdapat di pasaran produk-produk makanan dan gunaan yang dihasilkan tanpa standard pemantauan halal dan tidak diletakkan logo halal. Adalah menjadi suatu keutamaan kepada pengguna yang membeli belah di kawasan sempadan untuk memastikan kesahan halal sesuatu produk sebelum membelinya.

Walaupun bagaimanapun, pengiktirafan halal peringkat global telah memberi kesan positif kepada perkembangan industri halal peringkat domestik. Sambutan dari pengusaha sangat menggalakkan namun kebanyakan permohonan sijil halal adalah daripada pengusaha bukan Islam. Atas faktor keperluan penting permintaan dan persaingan dalam menyediakan produk halal kepada pelanggan, sifat sukarela ini lebih bersifat sebagai suatu kewajipan kepada pengusaha. Peningkatan permohonan sijil halal di negara Thailand adalah didorong oleh faktor pemasaran produk yang dihasilkan oleh pengusaha bukan Islam kepada pengguna Muslim dan bagi tujuan eksport ke Negara-negara Islam yang lain. Selain daripada itu, sijil halal juga digunakan untuk menarik keyakinan pengguna Islam dan bukan Islam dari sudut kebersihan makanan tersebut.

“ Sebab pertama adalah dari segi eksport ke luar Negara. Makanan halal bukan hanya untuk eksport kepada orang Islam tetapi orang yang bukan Islam juga mengambil berat tentang halal. Yang kedua adalah kepercayaan dari segi kebersihan”. (Palarea, 2015)

#### **4. Nisbah Tidak Seimbang Antara Pengusaha Muslim Dan Bukan Muslim.**

Tinjauan lapangan turut mendapati bahawa kebarangkalian pengunjung di kawasan sempadan untuk membeli produk yang tidak disahkan halal adalah tinggi berikutan wujud nisbah yang tidak seimbang dalam permohonan pensijilan halal di kedua-dua belah negara. Berdasarkan laporan, pada tahun 2010, 74.7% pemegang sijil halal Malaysia adalah bukan bumiputera bagi kategori produk, premis makan dan rumah sembelihan (Berita Harian, 2013). Di negeri Kelantan sendiri, sehingga Februari 2016, hanyalah 109 pengusaha bumiputera di negeri ini mendapatkan sijil halal berbanding 1051 syarikat bukan bumiputera (Saadan Man, 2016).

Dari aspek pengeluaran, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah antara industri yang menghasilkan produk makanan dan bahan gunaan. Namun begitu, walaupun pihak kerajaan telah memperuntukkan dana yang besar untuk menaiktaraf standard dan kualiti produk halal keluaran PKS, namun masih terdapat sebilangan besar daripada pengusaha di sektor PKS yang tidak mendapatkan pensijilan halal. Pengeluaran dan produk halal masih dikuasai oleh orang bukan Islam. Situasi ini telah menyumbang kepada pertumbuhan yang tidak seimbang antara pasaran halal global dan pertumbuhan pengeluar produk halal (Saadan Man, 2016).

Dalam konteks Malaysia, dilaporkan kira-kira 97% daripada syarikat perniagaan terdiri daripada Industri Kecil dan Sederhana (PKS) namun sebilangan besar daripada pengusaha PKS ini tidak mendapatkan pensijilan halal. (Merdeka Online, 2016). Manakala di Thailand, nisbah pemilikan Sijil Halal didominasi oleh kaum bukan bumiputra berbanding bumiputra dengan nisbah 70:30 (CICOT, 2015). Walau begitu peningkatan permohonan daripada pengusaha Islam juga berlaku atas kefahaman dan kesedaran bahawa produk yang halal itu juga mestilah selamat (tayyib). Setakat ini lebih 8000 pengusaha makanan yang telah mendapat sijil halal dan lebih 120,000 produk yang mendapat sijil halal di Thailand. Selain daripada pengusaha makanan, permohonan juga diterima dari pelbagai bidang lain termasuk kilang pemprosesan, syarikat sembelihan, sektor peladangan seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain.

“Di sini syarikat yang mohon sijil halal kebanyakan syarikat yang bukan Islam (99% dari semua permohonan sijil halal) dan 1% dari syarikat Islam”<sup>2</sup>.

Dalam konteks Thailand, pemohon sijil halal sebenarnya lebih ramai dari pengusaha bukan Islam berbanding pengusaha Muslim iaitu dengan nisbah 70:30 (Palare,2015). Data ini menunjukkan bahawa masih terdapat ramai pengusaha yang tidak mendapatkan sijil halal dan tidak diperiksa oleh pihak berkuasa halal. Oleh yang demikian, pengguna masih perlu lebih teliti dalam memilih produk halal terutamanya yang diimport dari luar negara dan yang dipasarkan secara meluas di kawasan sempadan. Pengusaha dan pengguna juga perlu diberikan kefahaman dan kesedaran tentang kepentingan mencari yang halal kerana dengan prinsip halal, ianya meliputi unsur kebersihan dan kehalalan bermula dari rangkaian bekalan sehingga produk makanan yang dikeluarkan.

---

<sup>2</sup> Temubual bersama Mr Surin Palarea, Setiausaha Agung, Centre for Islamic Committee of Thailand pada 24 Jun 2015.

## **5. Wujud kegiatan ekonomi tradisi sejak turun temurun antara penduduk sempadan Malaysia-Thailand**

Menurut (Fauzi, 2013) faktor kemanusiaan iaitu wujudnya hubungan kekeluargaan mahupun hubungan persahabatan antara penduduk di kedua-dua wilayah telah merancakkan lagi mobiliti di kawasan sempadan. Ini berikutan, sebelum wujudnya sempadan Malaysia – Thailand hasil Perjanjian Inggeris – Siam pada tahun 1909, kawasan ini sebenarnya adalah sebahagian daripada nusantara alam melayu. Sehubungan dengan itu, kebanyakan penduduk di kawasan sempadan ini mempunyai hubungan kekeluargaan dan persaudaraan antara satu sama lain. Situasi ini telah mendorong kepesatan ekonomi di kawasan sempadan Malaysia-Thailand berdasarkan persamaan sejarah, etnisiti, kebudayaan, keagamaan dan bahasa.

Penyataan ini menjelaskan bahawa kegiatan ekonomi di kawasan sempadan Malaysia-Thailand ini sebenarnya merupakan satu hubungan ekonomi tradisi yang telah berlaku sejak zaman turun temurun. Mobiliti antara penduduk di kawasan sempadan ini juga menjadi sebahagian daripada corak sosial bagi mereka. Antara aktiviti yang paling popular di kawasan sempadan adalah membeli-belah dimana barangan yang sering menjadi tumpuan adalah makanan dan minuman, pakaian, perkakasan dapur dan rumah dan pasar basah. Dari segi penguatkuasaan didapati terdapat pelbagai kesukaran yang dihadapi oleh anggota-anggota keselamatan dari agensi-agensi tertentu yang bertugas mengawal sempadan berkenaan. Walau bagaimanapun jika pengguna mempunyai sikap prihatin terhadap isu halal haram ini, ianya dapat membantu mempercepatkan perkembangan industri halal negara.

## **6. Wujud Tanggapan Dan Perspepsi Negatif Terhadap Badan Pensijilan Halal.**

Kefahaman pengusaha Muslim tentang konsep halal toyyiba dan kesedaran tentang keperluan untuk mendapatkan sijil halal dalam perusahaan masih di tahap yang rendah. Kesedaran dan usaha daripada pengusaha industri untuk menghasilkan produk halal perlu dipergiatkan. Dapatan kajian Noor Fiteri & Masnisah (2015) mendapati pengusaha tidak merasakan dengan adanya sijil halal boleh memberi manfaat yang banyak kepada mereka. Hal ini kerana mereka masih boleh berniaga dengan baik dan mempunyai pengguna tetap yang tersendiri. Bagi pengusaha, proses mendapatkan sijil halal memerlukan pertambahan kos tertentu menyebabkan mereka hilang minat untuk meneruskan niat mendapatkan logo halal bagi produk atau premis mereka pengusaha tidak merasakan keperluan untuk mengambil sijil halal kerana tidak ingin terikat dengan peraturan dan proses pengauditan yang boleh menyebabkan sijil halal ditarik balik dan dikenakan tindakan. Jika mereka mendapatkan sijil halal tindakan berkaitan akta yang terlibat boleh dikenakan ke atas mereka.

Menurut Palarea (2015) kefahaman masyarakat Islam di Thailand berkaitan dengan undang - undang kepenggunaan halal juga masih di tahap yang rendah. Beliau turut berkongsi bahawa terdapat pengusaha Muslim yang mempunyai perspektif negatif terhadap badan pensijilan halal. Sebahagian daripada mereka masih beranggapan bahawa pensijilan halal adalah jalan untuk badan pensijilan mendapatkan hasil kutipan yuran dan sebagainya. Malah di Thailand, terdapat usaha dari badan-badan bukan kerajaan atau pertubuhan yang berusaha untuk mengeluarkan sijil halal mereka yang tersendiri. Situasi ini telah menyumbang kepada pertumbuhan yang tidak seimbang dalam industri halal dimana peningkatan mendadak dari aspek nilai pasaran halal sebaliknya pertumbuhan yang tidak memberangsangkan dari aspek jumlah pengeluaran produk halal.

## CABARAN PENGUATKUASAAN HALAL DI MALAYSIA-THAILAND

### 1. Kefahaman Tentang Konsep Halal Yang Komprehensif

Burhan (2000) menyatakan konsep halal menjadi satu garis panduan bagi umat Islam dalam semua aspek kepenggunaan (*consumerism*) dan penggunaan (*utilisation*) produk dan perkhidmatan makanan halal. Portal Rasmi Halal Malaysia (2011) juga menerangkan konsep halal merujuk kepada setiap benda yang terhindar dari segala najis, dan mana-mana bahagian binatang yang haram di makan sama ada disebabkan zat aslinya atau proses penyediaan yang tidak menepati syarak. Proses penyediaan yang tidak menepati syarak ini merangkumi juga kepada cara penyediaan dan peralatan yang digunakan dalam masa proses tersebut. Maka hendaklah dipastikan bahawa semasa memproses atau menyimpan bahan itu, ia tidak bersentuhan atau diletak berhampiran dengan benda-benda yang di haramkan oleh syarak

Namun, hasil tinjauan mendapati, tahap kefahaman dan kesedaran pengguna dan pengusaha tentang konsep halal yang komprehensif adalah masih di tahap rendah. Rata-rata pengguna masih beranggapan bahawa semua produk makanan dan bahan mentah yang dijual oleh orang Islam halal tanpa mempersoalkan sumber dan rantaian halalnya. Terdapat juga sebahagian pengusaha yang tidak mementingkan faktor kebersihan, logistik dan rantaian halal yang komprehensif dalam memasarkan produk mereka.

Bagi pengusaha dan pengeluar produk, konsep halal turut merangkumi aspek Amalan Perkilangan Baik (GMP) yang melibatkan kebersihan makanan, keselamatan makanan, pembungkusan, penghantaran, label, harga yang berpatutan dan hospitaliti dalam penghasilan sesuatu produk. Oleh itu, daripada kefahaman konsep halal mengikut definisi halal dari sumber undang-undang Islam seperti yang dibincangkan sebelum ini, suatu piawaian yang mempunyai panduan lengkap berdasarkan pengurusan Islam sangat perlu difahami bagi memastikan penjenamaan halal benar-benar mengamalkan peraturan dan cara hidup Islam.

Keutamaan memilih makanan halal sebenarnya bukan berlegar di kalangan umat Islam sahaja, bahkan turut mendapat perhatian pengguna bukan Islam. Permintaan daripada pengguna Muslim kini inginkan maklumat bahan produk yang jelas dan mereka juga tidak mudah percaya terhadap tanda halal dan kepercayaan itu semakin berkurangan jika produk tersebut daripada negara bukan Islam (Muatasim & Katharina 2012). Kajian daripada Chanin et al. (2015) menemui hasil kajian pelancong muslim yang datang ke Thailand membuat permintaan agar makanan dan minuman, restoran Halal tambahan perlu disediakan dan boleh didapati di tempat-tempat pelancongan dengan logo makanan Halal yang diperakui.

Di Thailand, CICOT sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pengusaha dan pengguna mengenai kepentingan Halal dan pensijilan Halal untuk membina akauntabiliti melalui program-program pendidikan di sekolah, pameran halal dan aktiviti kemasyarakatan. Di samping itu, badan ini turut mengeluarkan risalah dan artikel berkaitan pensijilan dan industri halal untuk menyebarkan maklumat dan perkembangan kepada orang ramai. Institut Standard Halal Thailand pula menyediakan ilmu pengetahuan dan teknologi mengenai Halal kepada pengusaha sepenuh masa. (Palare, 2015). Secara Kesimpulan, isu halal seharusnya menjangkau undang-undang yang sedia ada kerana pada dasarnya ada 4 perkara utama yang perlu diberikan perhatian berkaitan produk makanan halal iaitu aspek kesihatan (*healthy*), kebersihan & keselamatan (*clean & safe- hygiene*), berkhasiat (*nutritious*) dan berkualiti (*quality*) (Noradha (2016).

## **2. Pengetahuan Tentang Rantaian Bekalan Dan Logistik Makanan Halal**

Halal dalam dunia pemasaran adalah satu konsep yang bersifat universal, komprehensif dan bukan bersifat lokal dan keagamaan semata-mata. Tanda aras keselamatan dan kebersihan yang menjadi fokus utama dalam konsep halal telah menyebabkan permintaan yang tinggi dari kalangan umat Islam dan bukan Islam tanpa mengira bangsa atau keturunan (Norakilah Omar, 2007). Kefahaman konsep halal yang komprehensif ini telah memperkenalkan kepada penggunaan logo dan sijil halal berdasarkan piawaian yang dibina dalam pengurusan kualiti makanan dan produk gunaan yang halal.

Integriti halal sesebuah produk itu bergantung pada rantaian bekalan halal yang membezakan dengan rantaian bekalan makanan yang tidak halal kerana rantaian bekalan makanan yang halal mempunyai piawaian dan undang-undang yang perlu dipatuhi. Tieman (2011) menekankan tanggungjawab organisasi dalam melindungi integriti halal sepanjang rantaian bekalan; skop pensijilan halal daripada organisasi yang bertanggungjawab; jaminan kepada pengguna atau pelanggan; dan kaedah jaminan (mekanisme kawalan; meliputi aspek seperti jawatankuasa halal, pegawai pematuhan halal dan pemeriksaan). Selain itu, Tieman et al. (2012) menjelaskan, pengeluar makanan memerlukan rujukan mengenai reka bentuk atau modul dan pengurusan rantaian bekalan makanan halal bagi memperoleh kredibiliti dan kepercayaan daripada pengguna Islam.

Asas utama rantaian bekalan makanan halal dan logistik halal adalah produk tersebut dilindungi dan tiada campuran di antara yang halal dan haram sehinggalah kepada pengguna (Tieman 2011; Malihe et al. 2013) menjelaskan peringkat rantaian bekalan makanan halal termasuklah makanan halal tersebut perlu dibungkus dengan baik dan bersih daripada najis, tidak diuruskan dengan bahan yang bercampuran dengan bahan najis, reka bentuk, simbol, logo, nama dan gambar bungkusan dan pengiklanan produk tersebut tidak bertentangan dengan undang-undang syariah dan pengangkutan yang digunakan juga dalam keadaan bersih, dan bersesuaian dengan produk halal yang dibawa. Selain itu, untuk meningkatkan pasaran halal, iklan produk tersebut bukan sahaja memfokuskan kepada kelebihan sisi agama Islam, tetapi boleh dimasukkan unsur-unsur kelebihan keselamatan makanan, kebersihan, kebajikan haiwan dan persekitaran (Golnaz 2012).

## **3. Integriti daripada pihak pengusaha produk halal**

Antara isu yang dilihat menyumbang kepada kekangan pengurusan kualiti standard halal melalui penggunaan piawaian halal MS1500:2009 ialah mengenai isu integriti halal dalam operasi pengeluaran makanan. Hal ini perlu diberi perhatian secara komprehensif yang melibatkan aspek jaringan bekalan makanan iaitu daripada ladang hingga ke meja makan (farm-to-fork). Integriti individu yang terdiri daripada pekerja, pengusaha atau pengurus yang terlibat dalam mematuhi standard yang ditetapkan adalah diragui. Menurut Mohd Al'Ikhsan & Siti Salwa (2015a) kebanyakan pengusaha makanan tidak lagi mengamalkan piawaian kualiti makanan yang ditetapkan oleh MS1500:2009 setelah produk mereka memperoleh pengiktirafan halal daripada JAKIM.

Begitu juga di Thailand, memandangkan 99% pengusaha produk halal di Thailand terdiri daripada bukan Muslim, jadi cabaran berkaitan integriti mereka untuk mematuhi prosedur standard halal yang telah ditetapkan oleh CICOT secara berterusan perlu ditangani secara

komprehensif dan berkesan. Program berkaitan pendidikan kepenggunaan halal perlu dirancang dengan teliti serta dilaksanakan daripada semasa ke semasa di segenap lapisan masyarakat terutama dalam kalangan pekerja dan pengusaha sesebuah organisasi yang menawarkan produk dan perkhidmatan yang mendapat pensijilan halal. Juga tidak dinafikan aspek penguatkuasaan yang dilakukan secara berkala pada kadar kekerapan yang tinggi dan munasabah mampu membantu menangani hal ini secara tidak langsung. Di samping wujudnya aspek pendakwaan bagi syarikat atau pengusaha yang terbukti melakukan kesalahan yang berkaitan dengan ketidakpatuhan terhadap akta atau standard halal yang telah ditetapkan.

#### **4. Desakan mendapatkan bekalan makanan dan barang guna dengan harga yang lebih rendah.**

Aktiviti perniagaan dan perdagangan di kawasan sempadan bukanlah perkara yang baru. Kawasan sempadan merupakan hub bagi pengangkutan logistik membawa barang dagangan untuk dipasarkan di antara dua belah negara. Kebanyakan penduduk dan pelancong amat teruja dengan harga barangan yang ditawarkan dan dipasarkan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand ini. Ini berikutan kebanyakan produk yang dijual di kawasan ini tidak terdapat di pasaran tempatan malah ia dijual dengan harga yang lebih murah.

Bagi golongan pengusaha dan peruncit, kebanyakannya daripada mereka hanya memulakan pengusahaan dengan menjalankan kegiatan penghasilan produk di rumah atau pusat pengeluaran yang terpencil. Setelah bertapak, mereka mula mengorak langkah seterusnya dengan memperluaskan dan meningkatkan lagi hasil secara berperingkat. Oleh yang demikian, keperluan mendapatkan bahan mentah yang lebih murah adalah menjadi satu desakan dan mengimbangi jumlah modal dan keuntungan yang bakal diperolehi. Fenomena ini menjadi asas berleluasanya kemasukan bahan mentah dan bahan proses dari negara jiran ke negara ini.

#### **5. Masalah Penyeludupan**

Dari segi penguatkuasaan di sempadan perairan Sungai Golok sehingga ke Kawasan Bebas Cukai Pengakalan Kubor, didapati terdapat pelbagai kesukaran yang dihadapi oleh anggota-anggota keselamatan yang bertugas untuk mengawal sempadan berkenaan dari aktiviti penyeludupan. Walaupun terdapat anggota keselamatan seperti Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Unit Kastam (bahagian penguatkuasaan), dan tentera yang mengawal keluar-masuk barangan secara haram melalui perairan Sungai Golok tetapi kemasukan barangan secara haram ini masih berlaku. (Fauzi et.al. 2013)

Menurut Fauzi (2013), perkara ini disebabkan wujud terlalu banyak pangkalan haram di sepanjang sempadan perairan Pengkalan Kubor, Tumpat sehingga Rantau Panjang yang boleh digunakan untuk tujuan laluan sampan yang membawa barangan sama ada dari sebelah Thailand atau sebaliknya. Ramai penduduk Thailand menyeberangi Sungai Golok secara haram untuk membeli pelbagai barangan keperluan harian termasuk barangan bersubsidi seperti minyak masak, gula dan tepung gandum. Manakala penduduk Malaysia yang menggunakan laluan sungai untuk menyeludup masuk barangan keperluan harian seperti makanan, pakaian, peralatan dapur, buah-buahan dan sayur-sayuran sama ada untuk kegunaan sendiri dan berniaga. (Berita Harian, 2010/05/21)

Aktiviti penyeludupan di kawasan sempadan berlaku disebabkan kegiatan ini dianggap sebagai satu ‘pekerjaan’ sejak turun temurun dan mereka menganggap bukan satu aktiviti yang menyalahi undang-undang. Mereka turut mengakui terdapat beberapa kelemahan dari segi penguatkuasaan undang-undang di mana pengimport dan pengeksport terpaksa melalui beberapa check-point dengan pelbagai bentuk dokumen tertentu dari segi borang dan pengesahan. Selain kesukaran ini, kos menunggu dan kos birokrasi ini agak tinggi berbanding menyeludup dengan kos yang rendah dan jangka masa yang lebih pendek.

Fenomena ini secara tidak langsung turut menyumbang kepada cabaran penguatkuasaan produk halal antara Malaysia – Thailand. Pihak berkuasa kedua-dua belah negara menghadapi kesukaran untuk mengawal perkara ini dari terus berlaku. Malah, terdapat anggapan bahawa tanpa kegiatan penyeludupan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand ini, kegiatan ekonomi di kawasan tersebut akan lumpuh dan pendapatan penduduk akan terjejas kerana ianya merupakan sumber pendapatan utama bagi sesetengah penduduk di sini. Kedudukan kawasan sempadan Malaysia-Thailand yang strategik iaitu hanya dipisahkan oleh sungai golok yang sempit memudahkan penduduk di kedua-dua sempadan untuk meloloskan diri daripada pemantauan pihak penguatkuasaan.

## **Kesimpulan**

Integriti halal perlu mencakupi dan difahami dalam kerangka maqasid syariah. Prinsip ‘Halalan Toyyiban’ sebagaimana ditekankan dalam al-Quran perlu dititikberatkan bagi menjelaskan keperluan kepada maksud sebenar bagi konsep ‘halal’ yang digunapakai. Halal adalah sebahagian dari ajaran Agama Islam yang suci dan menjadi milik bagi orang Islam keseluruhannya. Oleh yang demikian, masyarakat Islam perlu meningkatkan kefahaman tentang konsep halal secara komprehensif serta menunjukkan kesedaran tentang kepentingan mendokong industri halal. Pengusaha Muslim di Malaysia dan Thailand pula perlu lebih peka dan sama-sama bersaing merebut peluang untuk memajukan industri halal yang menjadi peluang keemasan bagi umat Islam. Hasrat kerajaan Thailand untuk mempromosi dan menjadikan Negara Thailand sebagai ‘*kitchen of the world*’ boleh dimanfaatkan oleh pengusaha Muslim di Thailand untuk memperkasakan industri halal di sana. Dalam sudut penguatkuasaan, kepentingan wujudnya satu bentuk pengurusan dan penyelarasan undang-undang yang komprehensif bagi memastikan setiap produk halal yang dipasarkan antara dua buah negara benar-benar mencapai piawaian halal dan menepati kehendak syarak. Kerajaan Malaysia-Thailand perlu meningkatkan lagi kerjasama bagi memastikan keseragaman dalam penguatkuasaan sijil halal antara dua buah negara.

**RUJUKAN**

1. Al-Qaradhawi, Yusof. 199. *Al-Halal Wa Al-Haram*. Beirut: Maktabah Al-Islami.
2. Chanin, O., Sriprasert, P., Rahman, H. A., & Don, M. S. 2015. Guidelines on Halal Tourism Management in the Andaman Sea Coast of Thailand. *Journal of Economics, Business and Management*, 3 (8):791-794
3. Dahlan, W. et al. 2013. Multi Approach Management For Halal Security In HACCP-Compliant Seafood Enterprises In Thailand. *Middle-East Journal Of Scientific Research* 13(4): 464-471.
4. Fauzi Hussin, Norehan Abdullah. et al. 2013. Aktiviti Ekonomi Sempadan Di Perairan Sg. Golok-Rantau Panjang: Isu Dan Cabaran. *Prosiding Perkem Viii*, Jilid 1. 235 – 245.
5. Golnaz, R., Zainal Abidin, M. and Mad Nasir, S., 2012. Non-Muslim consumers' understanding of Halal principles in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*, Vol. 3 No. 1, pp. 35-46
6. Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar. 2014. Halalan tayyiban Dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *KANUN*. 1:103-120
7. Lada, S., Harvey Tanakinjal, G., & Amin, H. 2009. Predicting Intention To Choose Halal Products Using Theory Of Reasoned Action. *International Journal Of Islamic And Middle Eastern Finance And Management*, 2(1): 66-76.
8. Liziana Kamarul Zaman & Mariam Setapa. 2014. Undang-Undang Produk halal di Malaysia: Akta Perihal Dagangan 2011.
9. Mansouri, S. 2014. Role Of Halal Tourism Ideology In Destination Competitiveness: A Study On Salected Hotels In Bangkok, Thailand. *International Conference On Law, Education And Humanities (ICLEH'14)*.
10. Marliana Abdullah et.al. 2015. *Isu Dan Cabaran Pensijilan Halal: Satu Kajian Perbandingan Antara Malaysia Dan Thailand*. World Academic And Research Congress (*World-AR 2015*). 94.
11. Mohani Abdul. 1994. Perception On Halal Food Certification In Hat Yai, Thailand. *International Journal Of Economic And Management*, 8(1): 178-194, 2014.
12. Mohd Al-Ikhsan Ghazali dan Siti Salwa Md. Sawari. 2014. Amalan Standard Halal Di Negara-Negara Asia Tenggara. *International Journal Of Islamic And Civilizational Studies. UMRAN Vol. 1. No.1*.
13. Muatasim Ismaeel & Katharina Blaim. 2012. Toward Applied Islamic Business Ethics: Responsible Halal Business. *Journal of Management Development*, 31(10): 1090 – 1100
14. Nor 'Adha Abdul Hamid, Syaripah Nazirah Syed Ager, Marliana Abdullah. et.al. 2015. Industri Makanan Halal Serantau: Kajian Di Malaysia Dan Indonesia. *World Academic And Research Congress 2015 (World-AR 2015)*
15. Nor Aini Haji Idris, Mohd Ali Mohd Noor. 2013. Analisis Keprihatinan Pengguna Muslim Terhadap Isu Halal-Haram Produk Melalui Pembentukan Indeks, Kertas Kerja Di Bentangkan Di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VIII (*PERKEM VIII*), Johor Bahru.
16. Norakilah Omar. 2007. *Kefahaman Pengguna Terhadap Persijilan Halal Pada Makanan Segera*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Malaysia Sabah.
17. Norazla Wahab, Syaripah Nazirah Syed Ager, Marliana Abdullah. et.al. 2015. Undang-undang Halal Malaysia: Isu dan Cabaran. *World Academic And Research Congress 2015 (World-AR 2015)*.



18. Nurulhuda Noordin. et. al. 2009. *Value Chain Of Halal Certification System: A Case Of The Halal Malaysia Industry*. European And Meditteranean Conference On Information Systems.
19. Portal Rasmi Halal Malaysia (2011). *Takrifan Halal*, Di Ambil Pada 25/3/2014 Dari [Http://Www.Halal.Gov.My/V3/Index.Php/Ms/Mengenai-Pensijilan-Halal/Takrifan-Halal](http://Www.Halal.Gov.My/V3/Index.Php/Ms/Mengenai-Pensijilan-Halal/Takrifan-Halal)
20. Puziah Hashim. 2009. A Cosmetics Analysis In Compliance With The Legislative Requirement, Halal And Quality Control. *Malaysian Journal Of Chemistry*.11: 81-87.
21. Saadan Man & Muhammad Safwan Harun. 2016. Pensijilan Halal Dalam Kalangan Usahawan Perusahaan Kecil Dan Sederhana (PKS) Di Semenanjung Malaysia: Isu Dan Permasalahan. Dalam *Maqasid al-Shariah: Aplikasi Dalam Aspek Muamalat Dan Kehartaan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
22. Syaripah Nazirah Syed Ager, Marliana Abdullah. et.al. 2015. Peranan Jawatankuasa Pusat Islam Thailand Dalam Isu-Isu Kepenggunaan Halal Di Thailand. *World Academic And Research Congress 2015 (World-AR 2015)*.
23. Tieman, M. 2011. The Application Of Halal In Supply Chain Management: In-Depth Interview. *Journal Of Islamic Marketing*, 2(2): 186-195.
24. Tieman, M., Van Der Vorst, J. G., & Che Ghazali, M. 2012. Principles In Halal Supply Chain Management. *Journal Of Islamic Marketing*, 3(3), 217-243.
25. Walsh. J. *Halal Certified Food: An International Challenge & Opportunity For Small & Medium Food Manufacturing Fiem Located In Bangkok Province*.
26. Zalina Zakaria. 2004. Keberkesanan Undang-Undang Makanan Halal Di Malaysia, *Jurnal Syariah* 12, Jilid 2, 95-106.